

149

PROF DR HASSAN ALI DAN DR SAHADAH KE UK 17 OGOS INI

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 09 Ogos 2011 14:37

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students


9 OGOS 2011/9 RAMADAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

PROF DR HASSAN ALI DAN DR SAHADAH KE UK 17 OGOS INI



UUMONLINE: Pengarah Eksekutif CEDI, Profesor Dr Hassan Ali dan Pensyarah, College of Arts and Sciences (UUM CAS) Dr. Sahadah akan mengikuti Program "Post Graduate Diploma In Entrepreneurship" di Judge Business School, University of Cambridge, United Kingdom mulai 17 Ogos 2011 hingga 31 Ogos 2012.

Kedua-dua mereka akan mengikuti struktur pengajian yang ditetapkan selama 12 bulan yang merangkumi 21 hari kehadiran ke kelas di University of Cambridge, United Kingdom dan 300 jam pengajian / penyelidikan secara on-line atau 'e-learning'.

Mereka mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang meliputi yuran pengajian, tambang penerbangan, elaun hotel, makan, pakaian panas serta tuntutan pengangkutan di United Kingdom.